



## SOALAN LAZIM (FAQ) MENGENAI GERAN KHAS PRIHATIN 3.0

### 1. Apakah GKP 3.0?

GKP 3.0 adalah bantuan kewangan kepada Perusahaan Kecil & Sederhana (PKS) mikro yang berkelayakan serta bantuan kewangan tambahan kepada penerima sedia ada GKP 1.0 dan GKP 2.0 secara one-off berjumlah RM1,000 bagi meringankan beban kewangan perniagaan di samping meningkatkan produktiviti pengeluaran dan perkhidmatan.

### 2. Siapakah yang layak menerima dan berapakah nilai bantuan GKP 3.0?

Kelayakan dan nilai bantuan GKP 3.0 adalah seperti berikut:

Layak GKP 3.0	Nilai Bantuan
Penerima sedia ada GKP 1.0 dan GKP 2.0	RM1,000 (One-Off)
Lulus permohonan baharu GKP 3.0	RM1,000 (One-Off)

### 3. Adakah penerima sedia ada GKP 1.0 dan GKP 2.0 yang lulus perlu membuat permohonan semula bagi bantuan GKP 3.0?

Penerima sedia ada GKP 1.0 dan GKP 2.0 tidak perlu membuat permohonan semula. Permohonan baharu GKP 3.0 hanya bagi PKS Mikro yang tidak menerima GKP 1.0 dan GKP 2.0.

### 4. Siapakah yang layak membuat permohonan baharu GKP 3.0?

Mereka yang memohon GKP 3.0 perlu memenuhi syarat kelayakan seperti berikut:

- Bukan penerima GKP 1.0 dan GKP 2.0 sebelum ini; dan
- Pemohon mestilah berstatus warganegara Malaysia; dan
- Pemohon yang menjalankan Perusahaan Kecil & Sederhana (PKS) mikro seperti berikut:
  - Jumlah jualan atau perolehan tahunan kurang daripada RM300,000; dan
  - Jumlah pekerja sepenuh masa tidak melebihi 4 orang, tidak termasuk pemilik; dan
- Berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) sebelum atau pada 28 Februari 2021; dan
- Masih aktif menjalankan perniagaan semasa permohonan dibuat.

### 5. Bagaimanakah kaedah permohonan GKP 3.0?

Permohonan baharu GKP 3.0 boleh dibuat secara dalam talian sahaja menerusi portal rasmi GKP (<https://gkp.hasil.gov.my>). Permohonan baharu secara manual di cawangan-cawangan LHDNM tidak akan diterima.

**6. Bilakah tarikh permohonan baharu GKP 3.0 bermula?**

Permohonan baharu GKP 3.0 akan dibuka mulai 1 April sehingga 15 April 2021 (15 hari).

**7. Bilakah keputusan permohonan boleh diketahui?**

Pemohon boleh menyemak keputusan permohonan mulai 8 Jun 2021 di portal rasmi GKP (<https://gkp.hasil.gov.my>).

**8. Bilakah tarikh pembayaran GKP 3.0 akan dibuat?**

Tarikh pembayaran GKP 3.0 adalah mulai 10 Jun 2021 secara berperingkat.

**9. Bagaimanakah kaedah bayaran GKP 3.0 dilaksanakan?**

Pembayaran akan dikreditkan ke akaun bank persendirian pemohon yang didaftarkan pada permohonan baharu GKP 3.0 atau penerima sedia ada GKP 1.0 dan GKP 2.0. Akaun bank persendirian pemohon mestilah sama ada akaun bank simpanan / semasa yang aktif sahaja.

**10. Apakah yang akan terjadi sekiranya saya gagal mengemukakan akaun bank simpanan / semasa untuk pembayaran GKP 3.0?**

Proses pembayaran akan gagal dan bayaran akan terbatal memandangkan pembayaran GKP hanya dikreditkan kepada penerima yang mempunyai akaun bank simpanan / semasa yang aktif sahaja.

**11. Adakah semakan kelayakan GKP 3.0 akan dibuat dengan mana-mana Agensi Kerajaan?**

Ya. Kerajaan akan membuat semak silang dengan beberapa Agensi Kerajaan bagi memastikan kesahihan maklumat yang dikemukakan pemohon.

**12. Saya baru mendaftar dan menjalankan perniagaan pada tahun 2021 (sebelum 28 Februari 2021), adakah saya perlu melaporkan jualan bagi tahun 2020?**

Jika pendaftaran perniagaan pada tahun 2021 (sebelum 28 Februari 2021), jumlah jualan yang perlu dilaporkan adalah jualan diterima pada tahun 2021 sahaja.

**13. Saya telah mendaftar dan menjalankan perniagaan sebelum atau pada tahun 2020. Oleh itu, jualan tahun bilakah yang perlu saya laporkan pada permohonan GKP 3.0?**

Jika perniagaan yang telah didaftarkan dan beroperasi sebelum atau pada tahun 2020, jumlah jualan yang perlu dilaporkan adalah jumlah jualan bagi tahun 2020 dan 2021.

**14. Saya telah lulus GKP 3.0 bagi permohonan baharu, adakah saya layak untuk menerima GKP Tambahan di bawah Pakej Permai?**

Tidak layak. GKP Tambahan (PERMAI) adalah bantuan kewangan tambahan secara one-off yang disediakan oleh Kerajaan kepada Perusahaan Kecil & Sederhana (PKS) mikro yang menerima bantuan Geran Khas Prihatin (GKP 1.0 dan GKP 2.0) sebelum ini.

**15. Penerima GKP 1.0 atau GKP 2.0 yang lulus tetapi telah meninggal dunia sebelum atau pada 31 Mac 2021. Adakah bayaran GKP 3.0 akan dikreditkan ke akaun penerima berkenaan?**

Bagi penerima GKP 1.0 atau GKP 2.0 yang lulus dan meninggal dunia sebelum atau pada 31 Mac 2021, tidak layak menerima bayaran GKP 3.0.

**16. Rakan kongsi saya adalah penerima GKP 1.0 atau GKP 2.0 yang lulus dan telah meninggal dunia sebelum atau pada 31 Mac 2021. Adakah saya boleh membuat permohonan pertukaran maklumat penerima GKP 3.0?**

Bagi penerima GKP 1.0 atau GKP 2.0 yang lulus dan telah meninggal dunia, rujuk Jawapan bagi Soalan 15. Rakan kongsi perniagaan / syarikat boleh membuat permohonan baharu GKP 3.0 jika menepati syarat kelayakan.

**17. Saya juga membuat permohonan Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) 2021 dan berstatus Lulus. Adakah saya layak menerima GKP 3.0?**

Jika permohonan GKP 3.0 berstatus Lulus, tidak layak BPR 2021.

**18. Permohonan BPR 2021 saya berstatus TIDAK LULUS kerana telah menerima Geran Khas Prihatin [GKP 1.0 / GKP 2.0 / GKP Tambahan (PERMAI)]. Apakah yang perlu saya lakukan bagi membolehkan saya membuat rayuan BPR 2021?**

Penolakan dan pemulangan semula GKP [GKP 1.0 / GKP 2.0 / GKP Tambahan (PERMAI)] boleh dibuat kepada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) sehingga 31 Mei 2021 bagi membolehkan Rayuan BPR 2021 bagi pemohon BPR 2021 yang berstatus tidak lulus atas alasan menerima GKP dibuat semakan semula mengikut syarat kelayakan BPR 2021 yang telah ditetapkan.

Cara pemulangan semula GKP, rujuk Soalan 20.

**19. Permohonan GKP 3.0 saya berstatus LULUS tetapi status pembayaran adalah Gagal Kredit. Pada masa yang sama saya / pasangan turut membuat permohonan BPR 2021 tetapi berstatus Tidak Lulus. Adakah saya boleh membuat rayuan BPR 2021 kerana bayaran GKP 3.0 saya adalah Gagal Kredit?**

Oleh kerana status GKP 3.0 adalah Lulus, tidak layak rayuan BPR 2021.

**20. Saya telah menerima bayaran GKP sebelum ini dan ingin menolak bantuan GKP. Bagaimanakah cara untuk memulangkan bayaran GKP yang telah diterima?**

Tindakan yang perlu diambil adalah seperti berikut:

- i. Sila kemukakan surat kepada Kementerian Kewangan Malaysia dengan menyatakan nama penuh, nombor Mykad dan sebab pemulangan;
- ii. Lampirkan draf bank / cek atas nama Akauntan Negara Malaysia (mengikut jumlah pemulangan); dan
- iii. Surat dan draf bank / cek perlu dikemukakan kepada pihak Kementerian Kewangan Malaysia di alamat berikut:

**Pejabat Belanjawan Negara  
Kementerian Kewangan Malaysia  
Presint 2, 62592 Putrajaya**

**21. Status bayaran terakhir GKP saya adalah Gagal Kredit dan saya tidak mengemas kini maklumat akaun bank semasa tempoh kemas kini akaun bank dibuka. Adakah saya layak menerima bayaran GKP 3.0?**

Sekiranya bayaran terakhir GKP adalah Gagal Kredit dan penerima gagal mengemas kini maklumat akaun bank terkini dalam tempoh yang telah ditetapkan, tidak layak menerima bayaran GKP 3.0.

Untuk makluman, beberapa siri tempoh permohonan Kemas Kini Maklumat Akaun Bank bagi pemohon GKP yang berstatus Gagal Kredit telah dibuka sebelum ini. Maklumat adalah seperti berikut:

PERMOHONAN GKP	TEMPOH PERMOHONAN KEMAS KINI MAKLUMAT AKAUN BANK
GKP 1.0	<ul style="list-style-type: none"><li>• 18 Jun 2020 – 26 Jun 2020</li><li>• 06 Julai 2020 – 15 Julai 2020</li><li>• 07 Ogos 2020 – 31 Ogos 2020</li><li>• 01 November 2020 – 14 November 2020</li><li>• 15 Februari 2021 – 15 Mac 2021</li></ul>
GKP 2.0	<ul style="list-style-type: none"><li>• 01 November 2020 – 14 November 2020</li><li>• 15 Februari 2021 – 15 Mac 2021</li></ul>
GKP PERMAI	<ul style="list-style-type: none"><li>• 05 Mei 2021 – 19 Mei 2021</li></ul>

**22. Status GKP saya adalah Lulus tetapi bayaran GKP 1.0 / GKP 2.0 dan GKP PERMAI adalah Gagal Kredit dan saya tidak mengemas kini maklumat akaun bank semasa tempoh kemas kini akaun bank dibuka. Adakah saya masih layak menerima bantuan daripada Kerajaan?**

Jika status bayaran GKP adalah Gagal Kredit, rujuk Soalan 20. Penerima yang tidak menerima sebarang bayaran GKP kerana permasalahan nombor akaun bank, adalah layak membuat rayuan BPR 2021 sekiranya ada membuat permohonan BPR 2021 dan berstatus Tidak Lulus.

Kelulusan Rayuan BPR 2021 adalah bergantung kepada syarat kelayakan BPR 2021.

**23. Saya telah membuat pemulangan GKP dan menolak bantuan GKP. Adakah saya masih layak menerima GKP 3.0?**

Sekiranya pemulangan GKP telah dilakukan sebelum atau pada 31 Mei 2021 dan telah disahkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), tidak layak menerima GKP 3.0.

**24. Permohonan GKP 3.0 saya berstatus Lulus dan pada masa yang sama Permohonan BPR 2021 saya / pasangan juga Lulus. Adakah saya layak menerima kedua-dua bantuan ini?**

Kerajaan telah menetapkan penerima hanya layak menerima satu bantuan sahaja. Sekiranya penerima berstatus Lulus bagi permohonan GKP 3.0 dan juga BPR 2021, status BPR 2021 akan ditukar kepada Tidak Layak. Penerima tidak akan menerima bayaran Fasa 3 bagi BPR 2021.

**25. Permohonan GKP 3.0 saya berstatus Lulus tetapi saya ingin menolak bantuan GKP kerana ingin memohon rayuan BPR 2021. Apakah yang perlu saya lakukan?**

Jika permohonan GKP 3.0 berstatus Lulus, tidak layak BPR 2021 termasuk rayuan.

**26. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya saya mempunyai sebarang pertanyaan mengenai status permohonan GKP 3.0?**

Sebarang pertanyaan mengenai status permohonan GKP 3.0 boleh hubungi Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara).

Dikemaskini pada 30 Jun 2021